

## sukan



Barisan pemenang Kejohanan Petanque Double Remaja Terbuka UMP 2017.

## UiTM serlah kejaguan petanque

Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@bh.com.my

## Kuantan

Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengungguli Kejohanan Petanque Double Remaja Terbuka Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2017 apabila mendominasi kategori lelaki dan wanita dalam pertandingan itu.

Kejohanan yang julung kali dianjurkan Pusat Sukan & Kebudayaan (PSK) UMP itu menyaksikan pasukan UiTM Shah Alam beraksi cemerlang merangkul Johan keseluruhan bagi kategori wanita, manakala Johan dimenangi oleh Pasukan UiTM B dengan membawa pulang wang tunai RM 800 dan pingat. Sebanyak 80 pasukan

mengambil bahagian dalam kejohanan itu termasuk sekolah, institusi pendidikan tinggi (IPT), kelab sukan dan penganjur sukan petanque tanah air berumur antara 13 hingga 30 tahun.

Kejohanan itu dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin. Yang turut hadir Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd Rahman Saif.

Prof Yuserrie berkata, penganjuran itu menjadi platform atlet untuk mengasah bakat sekali gus meningkatkan prestasi semasa serta dapat mengeratkan hubungan baik dengan komuniti menerusi acara sukan yang dipertandingkan. "Walaupun UMP gagal untuk memenangi sebah-



rang hadiah, pengalaman bertanding dengan beberapa pemain negara dan pemain terbaik di Pahang ini diharapkan dapat meningkatkan prestasi pasukan yang akan menyertai Kejohanan MASUM di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada Julai 2017 nanti," katanya.

Sementara itu, Abd Rahman berkata, majlis itu turut mencatat sejarah

apabila diadakan acara perasmian 'Gelangang Petanque UMP Pekan' yang menjadi tempat kejohanan sulung berlangsung.

**Lebih cemerlang:** Katanya, gelangang petanque itu dibina bermula April 2014 merangkumi sebanyak lapan gelangang, kemudian dinaik taraf kepada 12 gelangang pada 24 Ogos 2016.

**Yuserrie (dua dari kanan) dan Abd Rahman (kanan) bersama-sama peserta Kejohanan Petanque Double Remaja.**

"Diharap kejohanan seperti ini dapat diadakan pada setiap tahun dan dimanfaatkan sebaiknya prestasi sukan petanque UMP ke tahap yang lebih cemerlang.

"Sambutan yang diterima amat menggalakkan apabila menerima penyertaan bukan sahaja dari negeri Pahang malah dari Kuala Lumpur, Selangor dan Johor," katanya.

## info

## Pemenang kategori Lelaki

→ Johan: UiTM 2 - RM800 dan pingat  
→ Naib Johan: UiTM 1 - RM500 dan pingat  
→ Ketiga: MIG 3 (alliet pelapis Pahang) - RM300 dan pingat  
→ Keempat: Bukit Aman - RM150 dan pingat

## Pemenang kategori Wanita

→ Johan: UiTM B - RM800 dan pingat  
→ Naib Johan: UiTM D - RM 500 dan pingat.  
→ Ketiga: UiTM C - RM300 dan pingat  
→ Keempat: UiTM A - RM 150 dan pingat